



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
ARAS 10, BLOK D1, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62546 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 8000
Faks : 03-8889 1763/1751
Web : www.moha.gov.my



SEGERA

Ruj. Kami : KDN.KK.S.700-3/1/2
Tarikh : 6 September 2016

**Pengarah
Syarikat Agensi Persendirian Yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971**

Tuan,

PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN UNTUK TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, lesen agensi persendirian syarikat kawalan keselamatan wajib diperbaharui pada setiap tahun sebelum 31 Disember 2016 mengikut peruntukan Seksyen 3 (4), di bawah Akta Agensi Persendirian 1971. Oleh yang demikian, permohonan pembaharuan lesen agensi persendirian bagi tahun 2017 boleh dilaksanakan bermula pada **15 September 2016**. Permohonan pembaharuan lesen yang diterima selepas tarikh 31 Disember 2016 tersebut tidak akan diproses dan syarikat akan dikenakan tindakan pembatalan lesen dengan serta merta.

4. Sebagai langkah penambahbaikan dan usaha untuk membantu pihak tuan memperbaharui lesen masing-masing, Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga akan mengadakan **Hari Bertemu Pelanggan sebanyak lima (5) sesi** yang dikhaskan kepada syarikat-syarikat untuk penyerahan dokumen permohonan pembaharuan lesen bagi tujuan pemeriksaan dokumen lengkap dan senarai pengawal-pengawal keselamatan yang telah mengikuti Program Latihan *Certified Security Guards (CSG)*. Jadual Hari Bertemu Pelanggan adalah seperti di Lampiran A.

5. **Garis Panduan dan Senarai Semak** Pembaharuan lesen bagi tahun 2017 adalah seperti di Lampiran B. Justeru pihak tuan diingatkan supaya mematuhi syarat-syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan juga dalam bentuk digital / *scan document* yang di muatnaik dalam **pendrive**. Kegagalan pihak tuan mematuhi syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan lesen syarikat tidak diproses dan tidak diperbaharui.

6. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada unitagensi@moha.gov.my atau dengan menghubungi Unit Agensi Persendirian, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN di talian 03-8886 8536 / 8034 / 8321 / 8311.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HANAFEE BIN YUSOF @ HARUN)
Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam
b.p: Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Dato' Sri TKSU (Keselamatan)

Y.Brs SUB KK

Y.Brs SUB IT

Presiden
Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7,
Kelana Business Centre,
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya,
47301, Petaling Jaya,
Selangor.
No Faks : 03-7803 8691 / 7886 7246